



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Bahagian Komunikasi Korporat

Perbadanan Putrajaya

Tel: 03-88877033 Faks: 03-88811008

PAMERAN SMArT BOTANIC Edu-CARE ‘PLANTS AND PEOPLE EXHIBITION’ TONJOL HASIL KERJA PELAJAR UNTUK KOMUNITI

PUTRAJAYA, 18 OKTOBER 2023 - Pameran bertemakan ‘Plants and People Exhibition’ sedang berlangsung bermula 1 Oktober-31 Oktober 2023 bertempat di Bangunan Pusat Interpretif Pelawat (VIC), Taman Botani Putrajaya, Presint 1 Putrajaya.

Majlis perasmian pameran tersebut telah disempurnakan oleh Naib Presiden Jabatan Landskap dan Taman, Puan LAr. Haslinda Binti Khalid. Turut serta Pengarah Bahagian Botani, Tuan Haji Mohd Tajuddin bin Idris dan Prof. Madya LAr. Dr. Suhardi Bin Maulan, Pemangku Dekan Fakulti Rekabentuk dan Senibina Universiti Putra Malaysia (UPM).

Di antara pengisian di sepanjang pameran ini adalah pameran hasil kerja pelajar mereka bentuk Laman Dapur (*Kitchen Garden*) dan yang berkaitan dengan senibina landskap, aktiviti pemindahan ilmu seperti workshop dan beberapa aktiviti kreatif dan syarahan input dengan mensasarkan komuniti setempat dan pelbagai institusi kerajaan, sekolah dan orang awam.

Bermula dari kerjasama untuk mengadakan satu pertandingan landskap untuk mereka bentuk Laman Dapur (*Kitchen Garden*) di Taman Botani Putrajaya bersama Bahagian Botani, Jabatan Landskap dan Taman dengan melibatkan pelajar dari Jabatan Senibina Landskap, Fakulti Rekabentuk, Universiti Putra Malaysia kerjasama tersebut diperluaskan lagi dengan mengadakan satu pameran untuk mempamerkan hasil-hasil kerja studio pelajar tersebut. Idea untuk pameran ini dikembangkan lagi untuk menjadi satu aktiviti komuniti di antara UPM dan Taman Botani Putrajaya. Perlaksaan projek

ini adalah bertujuan untuk mempromosikan Taman Botani Putrajaya dan juga untuk mengetengahkan peranan senibina landskap serta reka bentuk bersifat semulajadi kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Sebanyak 44 Pelan Induk telah berjaya dihasilkan oleh pelajar melibatkan pelajar-pelajar Tahun 2 dan akhirnya 8 konsep pelan rekabentuk Laman Dapur (*Kitchen Garden*) yang terbaik telah dikenalpasti. Pemilihan pemenang adalah berpandukan kepada idea konsep dan persempahanan rekabentuk landskap yang menarik, menepati tema dan mempamerkan rekabentuk landskap yang terbaik serta berpotensi untuk diterapkan di tapak sebanar bertempat di Laman Dapur di Taman Botani Putrajaya, Presint 1 Putrajaya.

Seramai 8 orang pelajar telah diumumkan sebagai pemenang iaitu Tan Jia Wei dengan konsep *Reminiscing Memories* (Juara), Azlee Nadim dengan konsep Menelusuri Warisan Alam (Naib Juara) dan 6 pemenang untuk kategori merit terdiri daripada Nurul Aiman Izaini (*Botany Living Treasure*), Ng Anqi (*Serene*), Nurfarisa Anis Ramle (*Bedibles*), Syasya Ahmad (*Dig into Nature*), Teoh Shuwney (*Tropic Taste*) dan Wong Jun Hao (*Feed*). Juara membawa hadiah wang tunai bernilai RM400.00 dan sijil penyertaan. Bagi Naib Juara pula adalah sebanyak RM200 dan sijil penyertaan dan hadiah merit masing-masing adalah sebanyak RM150 dan sijil penyertaan.


Perbadanan Putrajaya berhasrat untuk menjadikan golongan muda sebagai generasi yang menghargai alam sekitar dengan penerapan ilmu botani melalui pendedahan kepada asas penanaman koleksi Laman Dapur dan rekabentuk landskap. Sekurang-kurangnya asas ilmu ini akan membantu dalam mengindahkan lagi persekitaran sekolah mahupun kediaman masing-masing khususnya di Putrajaya serta menggalakan kepada budaya hidup yang lebih sihat dan bagi mencapai matlamat pembangunan mampan Sustainable Development Goals (SDG's) di Putrajaya iaitu:

MATLAMAT 2: Sifar Kebuluran (*Zero Hunger*)

MATLAMAT 3: Kesihatan Yang Baik Dan Sejahtera (*Good Health An Well Being*)

MATLAMAT: Bandar Dan Komuniti Mampan (*Sustainable Cities And Communities*)

Diharapkan melalui pameran dan pertandingan seumpama ini, dapat menggalakkan pelajar untuk lebih menghargai dan menjaga alam sekitar, membina generasi yang peka kepada persekitaran dengan menjadikan Laman Dapur (*Kitchen Garden*) di antara satu aktiviti pendidikan berdasarkan botani yang bermanfaat untuk kesejahteraan dan kelestarian Putrajaya sebagai Bandaraya Bandar Raya Taman, Bandar Raya Bestari.



(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)

Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya
Tarikh: 18 Oktober 2023

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564